

Di dalam semua yang kita sebutkan ini adalah sebagai suatu telahan dan sangkaan yang berdasar kepada tabiat dan kedudukan orang-orang Melayu dan yang akan menentukannya ialah masa dan ketika jua adanya.

-----*-----*-----

MUSTAHAK DIPERHATI

Suatu gambar yang menggambarkan umat Islam di Singapura khasnya telah ditunjukkan di Singapura ini hampir kepada tiga minggu lamanya yang di dalamnya ada menunjukkan suatu riwayat yang dikatakan sebagai riwayat Nabi Daud yang disifatkan dan dipandang oleh orang-orang Islam sebagai suatu gambar yang menghina kepada Islam, yang menyentuh dan menyakitkan hati orang Islam oleh sebab dalam gambar itu ada membayangkan suatu perkara yang menghina dan boleh dipandang sebagai suatu perbuatan zina pada hal menurut keyakinan dan kepercayaan orang Islam yang demikian itu tidak akan terjadi dan tidak boleh terjadi kepada seorang Nabi yang maksum dan Nabi yang dipercayai sebagai suatu kepercayaan menyempurnakan rukun iman seorang Islam.

Kita mendapat tahu bantahan-bantahan telah didatangkan kepada kerajaan oleh orang-orang Islam di sini dan Jami'ah Al-Dakwah Al-Islamiah telah menghantarkan beberapa orang wakil berjumpa kepada Setiausaha Kerajaan Singapura menuntut supaya gambar itu segera diberhentikan daripada ditunjukkan kepada ramai kerana ia adalah membangkitkan perasaan dan hati orang-orang Islam umumnya di negeri ini. Dikatakan juga bahawa Setiausaha Kerajaan telah menyatakan kepada wakil-wakil yang tersebut bahawa bantahan itu datangnya tidak daripada orang Islam yang bersatu kerana kononnya Setiausaha Kerajaan telah bertanya kepada dua orang "ahli" Majlis Islam penasihat kerajaan dan dua orang "penganjur" Islam tentang perkara ini yang menyatakan bahawa tidak ada pun sesuatu yang bersalahan atau yang boleh merosakkan perasaan orang Islam dan dengan kerana itu maka oleh sebab gambar itu sudah pun berjalan lama dan hampir tamat pertunjukannya (pada masa itu) maka biarlah sahaja dengan memberi suatu akuan

gembira itu tidak akan ditunjukkan di Singapura lagi.

Kemudian Majlis Islam penasihat kerajaan dalam mesyuaratnya pada 8 Januari 1952 telah memutuskan menuntut kerajaan menahan gambar yang tersebut daripada ditunjukkan kepada ramai. Dua hari kemudian dikhabarkan bahawa gambar itu ditahan setelah 17 hari ditunjukkan – sekianlah keterangan yang kita dapati tentang apa yang terjadi di dalam perkara gambar itu.

Daripada apa yang tersebut ini kita boleh memandang bahawa bantahan-bantahan yang didatangkan oleh orang-orang Islam atas sesuatu perkara yang mengenai kehormatan dan taraf orang-orang Islam yang terhina itu tempatnya selalu diperkecil-kecilkan dan dengan kerana memperkecil-kecilkan itulah sebagaimana yang telah berlaku di dalam perkara Nadrah dahulu menjadikan tidak puas hati itu berkembang kepada kebencian yang besar tertanam terhadap pihak pentadbiran sekalipun perkara itu telah hilang tetapi parutnya tidak akan hilang untuk selama-lamanya yang lain tidak nampak disebabkan oleh kerana tidak mengambil endah di dalam perkara yang sengaja diperkecil-kecilkan atau dipandang kecil jua.

Di dalam kejadian yang lalu orang-orang Islam umumnya mengetahui bahawa dengan kerana perbuatan-perbuatan mereka yang dipandang oleh kerajaan sebagai "penganjur" dengan kerana pandainya mereka bermuka-muka kepada kerajaan itu membuat sesuatu pendapatannya hanya mengikut fahamnya sendiri sahaja dengan tidak menyelidiki perasaan orang-orang Islam itulah yang menjadi sebab terbit bencana sebelas hari bulan Disember 1950 dahulu. Ini sebagai suatu contoh bahawa pihak pertadbiran mesti mengingat bahawa sesuatu perkara yang mengenai keimanan dan keyakinan orang-orang Islam itu, di dalam keadaan darurat yang sekarang ini, hendaklah dihalusi dengan saksama dan ditepis dengan sebegitu cermat supaya perhubungan di antara orang-orang Islam dengan kerajaan itu umumnya tidaklah akan rosak oleh sebab sekalipun perkara itu berlaku di Singapura tapi dengan sendirinya perasaan yang tidak menyedapkan hati itu atau dipandang oleh orang-orang Islam menghina itu akan merebak ke Tanah Melayu di dalam mana tenaga dan usaha tiap-tiap seorang Islam

di Tanah Melayu dikehendaki bekerjasama tetapi terasa kepada mereka saudara-saudaranya di Singapura disakiti perasaan hatinya.

Sekalipun gambar Nabi Daud itu hanya ditunjukkan di Singapura ini tetapi sudah tetap orang-orang Islam di lain tempat khususnya di Persekutuan Tanah Melayu apabila mendengar keadaan-keadaan seperti ini sudah tentu mereka merasa sakit dan merasa terhina dengan kejadian-kejadian itu dan dengan sebab itu kesannya sudah tentu bukannya sahaja terbit di Singapura ini tetapi juga sampai di Tanah Melayu sekalipun gambar itu tidak di tunjukkan di Tanah Melayu. Dengan demikian perkara tidak berapa mengendahkan bantahan-bantahan orang-orang Islam di Singapura ini sama juga tidak mengambil endah fikiran dan bantahan orang-orang Islam umumnya dengan sebab daripada apa yang kita dapati pegawai-pegawai kerajaan nampaknya seakan-akan terpengaruh oleh seorang berdua yang dipandang sebagai “penganjur” dan dengan kerana kecuaiannya melantik orang-orang bekerja untuk mentaksirkan ilmu yang boleh menoda perasaan-perasaan orang-orang Islam.

Sepatutnya di dalam masa kerajaan berhajat kepada tenaga orang-orang Islam untuk melawan faham-faham Komunis hari ini tidaklah sayogianya ada sesuatu kejadian yang boleh menyakiti hati orang-orang Islam di negeri ini. Kita tahu setiap saat dan masa kerajaan berusaha membuat dakyah-dakyah menunjukkan kepada orang-orang Islam akan keganasan komunis terhadap kepada Islam tetapi dengan kejadian dan kecuaiannya yang dilakukan oleh Jabatan Tadbir Kerajaan di dalam perkara-perkara yang menyakiti hati orang-orang Islam tentulah orang-orang Islam nanti akan bertanya apakah bezanya di antara perbuatan Komunis dan perbuatan pihak pertadbiran kepada mereka? Tidakkah yang demikian ini nanti dari semasa ke semasa akan tertanam fahaman di dalam hati mereka bahawa tenaga mereka dikehendaki bahkan jiwa mereka dikehendaki bersama-sama untuk menghapuskan darurat di negeri ini tetapi di sebalik itu hati-hati mereka tidak dikawal dan dijaga bakal tempatnya hati mereka disakiti? Adakah pada pandangan sebahagian daripada pegawai-pegawai Duli-Duli Yang Maha Mulia Baginda King itu bahawa dengan cara yang sedemikian itu orang-orang Islam di negeri ini akan redha memberi kerjasamanya?

Kita yakin bahawa rakan kerajaan yang utama atau yang boleh dibawa bersama-sama untuk memerangi faham-faham Komunis itu tidak lain dan tidak bukan ialah dengan Islam juga, dan anak-anak dagang yang melolongkan suaranya di negeri ini memberi kerjasama itu walaubagaimanapun rupanya, menurut pendapat kita, adalah kita tidak percaya kerana kita melihat sifat mereka itu sebagaimana yang pernah berlaku hanya bermuka-muka dan terkadang-kadang sebagai gergaji bermata dua – iaitu sama juga sifatnya sebagai dua orang ahli majlis penasihat kerajaan dan dua orang “penganjur” yang disebut oleh Setiausaha Kerajaan itu yang semata-mata mengutamakan maslahat dirinya sahaja.

Daripada kejadian-kejadian ini ketua-ketua Islam di sini sepanjang yang kita ketahui, telah pun memberikan fahamnya bahawa tatkala sesuatu bantahan yang di hadapkan mereka itu tidak diendahkan ada diingatkan bahawa segala kemusykilan mereka tidak diambil berat tetapi sekiranya berlaku sesuatu perkara maka pada masa itulah mereka dipanggil untuk memberi nasihat dan bekerjasama iaitu sesudah perkara itu merebak sebagaimana yang terjadi dalam bulan Disember 1950 itu di dalam mana Tuan Yang Terutama Gabenor telah berdukacita kerana ketua-ketua Islam tidak menyatakan terus kepadanya tentang kemusykilan orang-orang Islam di dalam sesuatu perkara.

Kita berharap bahawasanya kecuaiannya untuk memerhati hal ehwal orang-orang Islam itu pada masa yang akan datang hendaklah di ambil berat sekiranya pihak pertadbiran berhajat kepada tenaga dan darah orang-orang Islam. Mencuainya sesuatu yang menodai iman orang-orang Islam itu adalah tersangat-sangat mustahak dikawal supaya dengan didapati kerjasama yang rapat di antara orang-orang Islam dengan kerajaan sekiranya pihak kerajaan tidak mengambil berat dalam perkara ini adalah kita takuti pada masa-masa yang akan datang tidak ada orang-orang Islam yang terkemuka mahu lagi merafakkan sesuatu kemusykilan kepada pihak kerajaan dengan membiarkan perasaan-perasaan yang melukai itu merebak di dalam hati tiap-tiap seorang yang kesannya sudah tentu tidak digemari dan sebab itulah kita berharap janganlah hendaknya kecuaiannya itu akan menjadikan pisang berbuah dua kali adanya.